

31/05/2001

Malaysia, Indonesia setuju pantau hasil sidang

MALAYSIA dan Indonesia bersetuju supaya satu mekanisme diwujudkan bagi memantau segala persetujuan yang dicapai dalam Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) yang telah diadakan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata mekanisme itu juga boleh digunakan bagi tujuan mengadakan perjumpaan antara negara kumpulan itu agar negara G15 dapat berfungsi dengan lebih penting dan berkesan.

Bercakap kepada wartawan Malaysia selepas mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perbincangan dengan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid di sini hari ini, beliau berkata, kedua-dua pemimpin juga bertukar pendapat mengenai perlunya hubungan antara negara membangun diperkukuhkan.

Pertemuan Dr Mahathir dan Abdurrahman berlangsung selama setengah jam di bilik hotel Presiden Indonesia itu.

Semua pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak G15 yang sedang berlangsung di sini menginap di Hotel Jakarta Hilton.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir juga melahirkan rasa puas hati dengan perjalanan mesyuarat Sidang Kemuncak G15.

Katanya, Dr Mahathir dan Abdurrahman juga berbincang pelbagai perkara menyentuh kepentingan dua hala antaranya membabitkan soal kelapa sawit dan Penerbangan Malaysia (MAS) menambahkan penerbangan ke Indonesia.

Beliau menyifatkan pertemuan kedua-dua pemimpin itu sebagai amat berhasil dan mereka melahirkan pandangan bahawa G15 adalah sebuah badan yang konstruktif dan berjaya.

(END)